

## KEBERKESANAN PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU BERTERASKAN KREATIVITI DALAM PEMBINAAN AYAT

Nabilah Husna Harun<sup>i</sup> & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad<sup>ii</sup>

<sup>i</sup>(*Pengarang Bersama*). Pelajar Master, Fakulti Pendidikan, UKM. p93182@siswa.ukm.edu.my

<sup>ii</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Pendidikan, UKM. munaruzanna@ukm.edu.my

### Abstrak

Kajian ini berfokus kepada strategi pembinaan ayat menggunakan kreativiti yang digunakan oleh guru bahasa Melayu yang bertujuan membuktikan bahawa teori kreativiti yang diolah dari Paul Torrance (1970) seperti kefasihan, fleksibiliti, keaslian dan perkembangan idea akan dapat meningkatkan kemahiran berfikir kritis dan kreatif. Kreativiti guru diukur menggunakan Torrence Tests of Creative Thinking (TTCT) berdasarkan pembinaan ayat. Sasaran kajian ini dijalankan di sebuah sekolah menengah swasta dengan melibatkan 15 orang murid tingkatan satu. Instrumen yang digunakan adalah aktiviti kreativiti menggunakan keratan akhbar. Analisis dokumen dijalankan setelah guru menjalankan kreativiti seperti penggunaan keratan akhbar dalam pengajaran menggunakan kaedah (1) potong dan tampil perkataan, (2) ayat berdasarkan gambar, (3) ayat berdasarkan iklan dan (4) ayat berdasarkan gambar tokoh digunakan dalam kajian ini. Hasil daripada analisis dokumen mendapati murid dapat menguasai pembinaan ayat secara kreatif dan inovatif setelah menggunakan kreativiti dalam pengajaran. Penggunaan keratan akhbar ini dapat mencetuskan daya imaginasi murid dalam bilik darjah seterusnya meningkatkan teknik untuk membina ayat dengan cepat dan efektif. Murid didapati lebih petah menuturkan ayat secara lisan serta pantas mengembangkan idea yang unik dan berinformasi. Kajian ini membuka peluang kepada guru untuk menghasilkan kreativiti yang tersendiri di dalam bilik darjah bagi meningkatkan pencapaian pembelajaran pelajar.

**Kata kunci:** bahasa Melayu, akhbar, kreativiti, sekolah menengah, pembinaan ayat

### 1.0 PENGENALAN

Dasar Bahasa Kebangsaan Malaysia memilih bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi (Asmah Haji Omar, 2015). Bahasa merupakan asas kepada bahasa pengantar pendidikan dan bahasa pentadbiran. Kurikulum yang berasaskan bahasa Melayu diperkenalkan bagi memenuhi peranan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara seterusnya berperanan sebagai bahasa ilmu (Nik Safiah Karim, 1988). Kaedah pengajaran merupakan aspek utama yang ditekankan kepada para guru dalam perkembangan bahasa bagi menarik perhatian murid di dalam bilik darjah. Kaedah pengajaran ini juga secara tidak langsung akan saling berkaitan dengan markah prestasi murid terutamanya melibatkan mata pelajaran bahasa Melayu yang memerlukan pemahaman dan pengaplikasian dalam kehidupan. Menurut Mohamad Mohsin dan Jamsari Alias (2013), guru merupakan individu yang berperanan peranan sebagai yang paling penting dalam bidang pendidikan kerana guru yang bertanggungjawab untuk membentuk murid mengikut acuan yang ditetapkan melalui proses pengajaran dan pembelajaran. Bagi menimbulkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan di dalam bilik darjah, guru perlu lebih kreatif dalam pengajaran. Kreativiti selalu dikaitkan dengan inovasi dan penghasilan idea baru dalam pengajaran (Yayasan Inovasi Malaysia, 2010). Setiap inividu mempunyai tahap kreativiti yang berbeza dan kreativiti itulah yang membezakan tahap perkembangan pembelajaran seseorang. Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2010 memberi penekanan untuk membangunkan modal insan yang inovatif dan kreatif bagi memenuhi keperluan negara di abad ke-21. Model Kemahiran Berfikir secara kreatif juga diberikan sebagai panduan para guru dalam proses pembelajaran dan pengajaran di dalam bilik darjah sebagai alat bantu mengajar di dalam kelas. Model yang diguna oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) ini selaras dengan model yang ingin digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini, iaitu Model Kreativiti oleh Paul Torrance yang melibatkan empat tahap utama iaitu tahap kefasihan, fleksibiliti, keaslian dan perkembangan idea.

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti keberkesanan penggunaan aplikasi teori kreativiti Torrance melalui penggunaan keratan akhbar dalam proses pengajaran dan pembelajaran pembinaan ayat bahasa Melayu. Secara khususnya, objektif kajian adalah untuk mengenal pasti kreativiti aktiviti dengan menggunakan keratan akhbar. Hal ini demikian kerana Rashimah (2012) dalam kajiannya mendapati kebanyakkan guru hanya mementingkan pengulangan dan latih tubi menyebabkan murid tidak dapat berfikir secara kreatif dalam pembelajaran. Perkara ini disokong oleh Mohamad Mohsin Mohamad Said & Jamsari Alias (2013) dari kajiannya terhadap gaya pengajaran yang dimiliki oleh para guru dapat membantu kreativiti pelajar. Dapatan kajian ini menunjukkan kreativiti pelajar terhasil daripada kaedah pengajaran guru. Selain kreativiti, tahap pembinaan ayat dalam kalangan murid juga kurang memuaskan serta tidak gramatis. Kenyataan ini disokong oleh A. Rahman (2012) menyatakan penggunaan bahasa pasar banyak terdapat dalam pembinaan ayat selain penggunaan imbuhan, kata sendi, dan kata adjektif tidak digunakan sebaik-baiknya dalam pembinaan ayat. Namun begitu, hasil daripada kajian A. Rahman et al. (2012) menggunakan teknik SALAK dalam proses pengajaran membina ayat menunjukkan kesan yang cepat dan efektif. Penyelidikan ini dijalankan bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dalam membina ayat. Hasil analisis dokumen menunjukkan teknik SALAK berjaya membantu murid memahami cara membina ayat.

## **2.0 METODOLOGI**

Kajian ini bertujuan untuk melihat keberkesanan penggunaan kaedah Kreativiti dalam pengajaran pembinaan ayat bagi murid sekolah menengah swasta. Sampel terdiri daripada 15 orang pelajar tingkatan satu di sekolah berkenaan. Sekolah ini merupakan salah satu daripada 263 buah sekolah menengah agama swasta di negeri Selangor. Maahad Tahfiz Akademik Iqro Al-Quran ialah sebuah sekolah yang ditubuhkan di bawah badan zakat Selangor. Sekolah ini ditubuhkan untuk membantu golongan miskin dan asnaf dalam mengembangkan isu hafazan al-quran, sekolah ini merangkumi mata pelajaran agama dan juga mata pelajaran akademik. Keistimewaan sekolah ini berbanding sekolah lain ialah sekolah Matiq ini menitikberatkan hafazan al-Quran sepanjang masa di samping tidak mengabaikan pelajaran akademik sebagai tiang utama dalam pembelajaran.

Kajian kes ini merupakan kajian inferensi dengan menggunakan data kualitatif yang dipungut melalui aktiviti Kreativiti di dalam kelas. Data kualitatif diperoleh dengan cara analisis secara deskriptif dokumen bahan aktiviti kreativiti untuk mendapatkan hasil yang lengkap. Dalam penelitian ini, pengkaji mengaplikasikan Teori Kreativiti Torrance yang mengatakan bahawa menjana idea sendiri adalah lebih baik dan cepat daripada menjana idea orang lain. Penjanaan idea murid ini dapat dilihat berdasarkan kefasihan, fleksibiliti, keaslian dan perkembangan idea murid dalam pembinaan ayat. Oleh kerana perkembangan idea kreatif pelajar boleh dibentuk secara bersendir, penggunaan bahan kreativiti merupakan jalan terbaik untuk mengaktifkan daya kreativiti dalam diri pelajar. Bahan yang menarik dan berwarna-warni mampu memancing kebolehan pelajar membina ayat dan menghasilkan idea baru.

Unsur kreativiti yang dapat dikenal pasti dalam kajian ini adalah menggunakan keratan akhbar. Aktiviti kreativiti menggunakan keratan akhbar terbahagi kepada empat iaitu kaedah (1) potong dan tampil perkataan, (2) ayat berdasarkan gambar, (3) ayat berdasarkan iklan dan (4) ayat berdasarkan gambar tokoh. Instrumen membina ayat berdasarkan perkataan menjurus kepada kaedah perkataan akan diambil daripada tajuk-tajuk utama keratan akhbar dan pelajar dikehendaki membina ayat berdasarkan perkataan tersebut. Instrumen yang kedua ialah instrumen membina ayat berdasarkan gambar akhbar. Gambar daripada akhbar yang berwarna-warni dan menarik dapat meransang pengembangan idea pelajar bagi membentuk pembinaan ayat yang menarik dan kreatif. Instrumen yang ketiga melibatkan pembinaan ayat berdasarkan iklan yang terdapat di akhbar. Iklan yang pelbagai dan menarik dapat mempengaruhi perkembangan idea pelajar serta mencetuskan daya imaginasi pelajar untuk lebih kreatif dalam

pembinaan ayat. Bahagian instrumen yang terakhir melibatkan pembinaan ayat berdasarkan gambar tokoh yang terdapat di dalam akhbar. Tokoh serta selebriti yang menjadi idola pelajar akan memudahkan pelajar membina ayat berdasarkan gambaran tokoh tersebut. Setelah kreativiti diperkenalkan, pelajar akan menggunakan keratan akhbar untuk melaksanakan empat jenis aktiviti. Tujuan aktiviti keratan akhbar ini dilaksanakan adalah untuk melihat sama ada bahan kreativiti yang diadakan dapat mempelbagaikan jenis instrumen.

Semakan telah dibuat ke atas instrumen kajian untuk menjamin kesahan serta memastikan tujuan kajian yang hendak dikaji selari dengan maklumat yang terdapat dalam instrumen kajian yang dibentuk. Bagi mendapatkan kesahan yang baik, kesahan muka perlu dilakukan terhadap instrumen yang dibina (Abdul Ghafar, 1999). Ketepatan konstruk serta kejelasan kandungan memerlukan semakan dari pakar terlebih dahulu (Kline, 2005). Untuk kesahan muka bagi kajian ini, pengkaji telah memilih seorang pensyarah universiti yang pakar dalam pengajaran pendidikan bahasa Melayu. Selain itu, kebolehpercayaan data instrumen juga diambil kira dengan melihat aspek kejelasan item soalan berdasarkan sukanan pelajaran bahasa Melayu dari sumber buku teks bahasa Melayu dari Kementerian Pendidikan Malaysia. Bagi memastikan soalan yang dibina tiada kesalahan struktur bahasa dan ayat, kesahan bahasa merupakan perkara amat penting (Leedy dan Ormrod, 2005).

### **3.0 DAPATAN KAJIAN**

#### **3.1 Instrumen pembinaan ayat menggunakan keratan akhbar**

Tujuan utama kajian ini untuk mengenal pasti jenis kreativiti yang dapat dilakukan oleh pelajar terhadap pembinaan ayat menggunakan keratan akhbar. Pendekatan yang ditekankan oleh pengkaji adalah untuk mengembangkan tahap perkembangan idea pelajar untuk membentuk ayat yang gramatis. Selain itu, pengkaji menitikberatkan aspek keseronokan dalam pembelajaran pembinaan ayat bagi menjadikan pemikiran pelajar semakin tersusun dan logikal. Oleh hal yang demikian, pengkaji telah mengenal pasti tiga jenis instrumen yang boleh mengembangkan minda dan mencetuskan kreativiti dalam kalangan pelajar, iaitu kaedah (1) potong dan tampal perkataan, (2) ayat berdasarkan gambar, (3) ayat berdasarkan iklan dan (4) ayat berdasarkan gambar tokoh. Terdapat dua jenis golongan kata yang dijumpai oleh pelajar dan dijadikan ayat, iaitu kata kerja. Selain itu, pengkaji mendapati gambar boleh memberi sumber ilham yang inovatif kerana melalui gambar, pelbagai jenis ayat yang dapat dibina. Melalui gambar juga, pelajar dapat membentuk imaginasi mereka. Selain itu, potongan perkataan dan gambar, iklan juga merupakan aspek utama yang terdapat di dalam akhbar. Melalui iklan, pelajar dapat menafsir iklan menggunakan segala info yang terdapat dalam iklan melalui pelbagai jenis ayat. Kaedah kreativiti yang terakhir menggunakan gambar tokoh pula memerlukan permahaman pelajar tentang tokoh berkenaan sebelum membina ayat yang bersesuaian berdasarkan gambar tokoh. Antara tokoh yang dipilih pelajar terdiri daripada pemimpin negara, artis serta ahli sukan.

#### **3.2 Analisis kaedah kreativiti penggunaan potongan perkataan**

Pembinaan ayat menggunakan potongan perkataan memperlihatkan kreativiti pelajar dalam mencipta ayat tunggal dan ayat majmuk yang menarik. Contoh kata yang dipotong daripada akhbar pada perkataan yang berhuruf tebal. Berikut merupakan contoh ayat yang dihasilkan oleh pelajar menggunakan potongan perkataan daripada akhbar.

1. Saya nak **menceritakan** tentang peribadi saya kepada kawan-kawan saya.
2. Saya masuk ke dalam tandas kerana mahu **membuang** air besar.
3. Barang-barang yang dibeli oleh ibu tadi **diletakkan** dalam beg kitar semula.
4. Raziq bangkit daripada **kekalahan** tersebut.
5. Cikgu **mengajar** murid-murid di dalam kelas.
6. Kita harus bersungguh-sungguh dalam **mengejar** cita-cita.
- 7.

### **3.3 Analisis kaedah kreativiti berdasarkan gambar**

Pembinaan ayat menggunakan gambar meransang pelajar untuk membentuk imaginasi yang baru menggunakan gambar yang terdapat dalam akhbar. Gambar daripada akhbar yang berwarna-warni dan menarik dapat meransang pengembangan idea pelajar bagi membentuk pembinaan ayat yang menarik dan kreatif. Berikut merupakan contoh analisis data ayat berdasarkan gambar dalam akhbar.

a) Contoh 1

- i) Encik Ramli memegang komputer berwarna merah.
- ii) Encik Yusuf memegang telefon dan komputer di sebelah Shah.
- iii) Shah memegang komputer di tengah itu.

b) Contoh 2

- i) Dua buah kereta terbakar.
- ii) Kereta itu terbakar pada waktu malam.
- iii) Kereta itu tidak boleh digunakan lagi.

### **3.4 Analisis kaedah kreativiti berdasarkan iklan**

Iklan yang pelbagai dan menarik dapat mempengaruhi perkembangan idea pelajar serta mencetuskan daya imaginasi pelajar untuk lebih kreatif dalam pembinaan ayat. Berikut merupakan data yang dipungut melalui pembinaan ayat berdasarkan iklan.

a) Contoh 1

- i) Kaunter zakat PPZ maiwp dibuka setiap hari di bulan ramadan.
- ii) Kaunter zakat PPZ maiwp dibuka setiap jam 8.15 am hingga 4.30 pm
- iii) Mereka yang ingin hendak membayar zakat hendaklah hubungi 1300885757.

b) Contoh 2

- i) Beras jasmine ini sangat berkualiti tinggi dan sesuai dikukus nasi lemak, nasi ayam dan lain-lain.
- ii) Semua beras ini sangat berkualiti dan sedap dimakan.
- iii) Beras ini boleh tahan selama 5 jam ke atas.

### **3.5 Analisis kaedah kreativiti berdasarkan tokoh**

Bahagian instrumen yang terakhir melibatkan pembinaan ayat berdasarkan gambar tokoh yang terdapat di dalam akhbar. Tokoh serta selebriti yang menjadi idola pelajar akan memudahkan pelajar membina ayat berdasarkan gambaran tokoh tersebut. Berikut merupakan data yang diperolehi melalui aktiviti membina ayat berdasarkan gambaran tokoh.

a) Contoh 1

- i) Putera Mahkota Johor merupakan Pengerusi Persatuan Bola Sepak Malaysia.
- ii) Putera Mahkota Johor merupakan idola pemain bola sepak Malaysia.
- iii) Beliau seorang yang tegas serta berkeyakinan tinggi.

b) Contoh 2

- i) Dato' Siti Nurhaliza merupakan penyanyi nombor satu di Malaysia.
- ii) Dato' Siti Nurhaliza menjadi idola ramai disebabkan suaranya yang merdu.
- iii) Dato' Siti Nurhaliza bersifat lemah-lembut dan sopan-santun selain mempunyai rupa paras yang cantik.

#### **4.0 PERBINCANGAN**

Kajian ini dilakukan untuk meneroka aplikasi pendekatan kognitif melalui kaedah kreativiti menggunakan keratan akhbar dalam pembelajaran pembinaan ayat terhadap murid tingkatan satu. Dapatkan kajian yang dijalankan secara naratif seiring dengan objektif kajian mendapati bahawa aktiviti kreativiti keratan akhbar dapat menghasilkan empat jenis aktiviti kreativiti yang menarik. Antara jenis aktiviti yang berhasil daripada kaedah kreativiti keratan akhbar ialah kaedah (1) potong dan tampal perkataan, (2) ayat berdasarkan gambar, (3) ayat berdasarkan iklan dan (4) ayat berdasarkan gambar tokoh.

Kaedah potong dan tampal menguji pelajar untuk mencari dan menggunakan kata kerja yang tepat serta memerlukan permahaman pelajar dalam meneroka idea menghasilkan ayat yang menarik. Kaedah kedua iaitu membina ayat berdasarkan gambar menguji pelajar menafsir gambar dalam situasi yang berbeza dan meluahkannya dalam pembinaan ayat yang gramatis. Kaedah ketiga melibatkan pembinaan ayat berdasarkan iklan merupakan kaedah yang memerlukan kemahiran berfikir pelajar secara kreatif dalam penghasilan ayat. Manakala kaedah terakhir iaitu membina ayat berdasarkan tokoh memerlukan permahaman pelajar yang tinggi. Pelajar perlu mempunyai pengetahuan yang sedia ada mengenai tokoh sebelum menghasilkan ayat yang tepat mengenai tokoh berkenaan.

Berdasarkan kesemua ayat yang dihasilkan oleh responden, pengkaji mendapati teknik ini mampu diaplikasikan dengan baik oleh pelajar. Melalui pembinaan ayat, pengkaji dapat menilai kefahaman pelajar dalam mencari kata kerja seterusnya dapat membina ayat majmuk yang gramatis. Kaedah ini juga berkesan dalam membina daya kreativiti pelajar menghasilkan ayat yang baru. Seterusnya apabila menggunakan kaedah pembinaan ayat berdasarkan gambar, pelajar menunjukkan daya kreativiti dengan membina ayat melalui imaginasi mereka. Selain itu, melalui kaedah pembinaan ayat berdasarkan iklan pula, pelajar bukan hanya dapat membaca ilustrasi iklan dengan kaedah yang tersendiri, malah pelajar dapat menafsir iklan kepada beberapa jenis ayat tunggal yang berlainan. Pemahaman sedia ada pelajar juga dapat dilihat melalui pembinaan ayat menggunakan kaedah yang terakhir, iaitu pembinaan ayat berdasarkan tokoh.

#### **5.0 KESIMPULAN**

Dalam mengharungi kehidupan yang serba canggih ini, seorang guru perlulah lebih berinovasi di dalam pengajaran terutama pembelajaran bahasa yang hanya melibatkan pembacaan. Penguasaan bahasa yang lemah di samping suasana pembelajaran yang membosankan menyebabkan berlaku tahap penguasaan bahasa yang kurang baik dalam kalangan pelajar. Walaupun pembelajaran dan pengajaran secara tradisional diterima dalam kalangan masyarakat, namun hal ini menyebabkan pelajar kurang berminat untuk mengembangkan tahap imaginasi mereka di dalam kelas. Apabila pelajar kurang berminat untuk mengembangkan pemikiran mereka, maka ia boleh menjelaskan pemarkahan pelajar serta memberikan kesan yang buruk untuk kelestarian bahasa Melayu itu sendiri.

Demi kebaikan dan masa depan bahasa Melayu yang lebih cemerlang, guru bahasa Melayu haruslah membantu pelajar meningkatkan motivasi dan minat pelajar terhadap pembelajaran bahasa Melayu dengan memberikan suasana pembelajaran yang lebih menyeronokkan dan kreatif. Hal ini untuk memastikan pelajar kekal fokus di dalam kelas seterusnya berminat untuk mengembangkan idea mereka dalam penguasaan bahasa Melayu dan akhirnya dapat menghasilkan pembinaan ayat yang lebih baik dan gramatis pada masa yang akan datang.

## RUJUKAN

- Adrian Stewart Ngau. (2010). Kesan rumus “pelaku + perbuatan + huraian” dalam meningkatkan kemahiran membina ayat karangan bahagian a upsr bahasa melayu murid tahun empat. *Buku Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan Seminar Penyelidikan Tindakan Tahun 2010* IPG KBL (BM Pendidikan Rendah), ms 13-26.
- Aliyn and Bacon. Haliza Hamzah, Joy N. Samuel & Rafidah Kastawi. (2008). *Perkembangan kanak-kanak*. Selangor: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Azhari mariani dan Zaleha Ismail. (2013). Pengaruh Kompetensi Guru Matematik Ke atas Amalan Pengajaran Kreatif. *2nd International Seminar on Quality and Affordable Education*: 181-187
- Azizi Yahya. (2006). *Psikologi sosial alam remaja*. Batu Caves: PTS Professional Publishing Sdn Bhd.
- Azman Wan Chik. (1993). *Mengajar bahasa Melayu jilid 1: Perkaedahan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Choon Lean Keow. (2008). *Murid dan alam belajar*. Selangor: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Chow Fook Meng & Jaizah Mahamud. (2011). *Kajian tindakan: Konsep & amalan dalam pengajaran*. Puchong: Penerbitan Multimedia Sdn Bhd Christy Jr Tan,
- Chua Tee Tee & Koh Boh Boon. (1992). *Pendidikan khas dan pemulihan: Bacaan asas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jaggil Apak, Muhamad Suhaimi Taat. (2018). Hubungan Tingkah Laku Pemupukan Kreativiti Guru dengan Pengurusan Bilik Darjah Abad Ke-21. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, Vol 3, Issue 3, Jun 2018: 64-79
- Lai Lee Chung, chin Hai Leng dan Chew Fong Peng. (2017). Amalan Pengajaran Guru Bahasa Melayu Tingkatan Empat dalam Penulisan Karangan dari Aspek Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif serta Pembelajaran Kolaboratif. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, Jan 2017, Bil 4, Isu 1:1-12
- Mohamad Mohsin Mohamad Said dan Jamsari Alias. (2013). Kreativiti Pengajaran Guru Sekolah Rendah di Malaysia. *Jurnal Psikologi Malaysia* 27 (2013): 71-97
- Mohammad Rusdi Ab Majid dan Zawawi Ismail. (2017). Kreativiti Guru Bahasa Arab di Malaysia. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, Okt 2017, Bil 4, Isu 4: 27-38
- Muhamad Zaki Samsudin, Razali Hassan, Azman Hasan dan Mohd As'ed Dato Shamsuddin. (2013). Kreativiti Guru Dalam Pengajaran Kemahiran Hidup. *Prosiding Konvensyen Kebangsaan Pendidikan Guru* 2013.
- Rashimah, A.K. (2012). *Tahap Kreativiti dan Penyelesaian Masalah Fizik Pelajar Tingkatan Empat di Daerah Johor Bahru*. Tesis Ijazah Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia.
- Roslinda, K. 2007. *Tahap Penguasaan Kemahiran Berfikir Kritis dan Kreatif dalam Mata Pelajaran Fizik di Kalangan Pelajar Tingkatan Empat*. Tesis Ijazah Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia
- Wan Marzuki wan Ismail, Hafizoah Kassim, Munira Abdul Razak. (2016) Penerapan Kreativiti di Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Mata Pelajaran Jawi: Kajian Rintis. *The National Conference for Postgraduate Research 2016*, Universiti Malaysia Pahang: 512-518
- Mercer, Lenze & Hoffman. (1991). *Students with learning disabilities*. (4th ed.). New York: Macmillan Publishing Company.
- Jamalludin Harun & Zaidatun Tasir . (2003). *Multimedia dalam pendidikan*. Bentong: PTS Publications.
- Jamila K.A. Mohamed. (2005). *Pendidikan khas untuk kanak-kanak istimewa*. Batu Caves: PTS Professinal Sdn Bhd
- Juriah Long & Noor Ein Mohd. Noor. (1990). *Alat dan bahan pengajaran bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia.
- David Fulton Publishers Mohd Safuan. (2011). Aplikasi kaedah S.K.A.B. dalam meningkatkan kemahiran murid membina ayat berdasarkan gambar.
- Mohd. Hilmi Hamzah & Juliana Emilia Dourado. 2010. Using grammar games in teaching grammar: A case study in SMK Damai Jaya. Pp. 1-5. Universiti Teknologi Malaysia, Fakulti Pendidikan (Unpublished).

- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2008). *Tatabahasa Dewan edisi ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Nor Fatihah Suhada. (2011). *Meningkatkan kemahiran membina ayat mudah bahasa Inggeris dalam kalangan murid pendengaran menggunakan PowerPoint*. Buku Koleksi Artikel Tindakan Seminar Penyelidikan Tindakan Tahun 2011 IPGKIK.
- Noriati A. Rashid, Boon Pong Ying & Sharifah Fakhriah Syed Ahmad. (2009). *Murid dan alam belajar*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn Bhd Pierangelo,
- Ronald L. Taylor, Lydia R. Smiley & Stephen B. Richards. (2009). *Exceptional students: Preparing teachers for the 21st century*. New York: McGraw Hill Companies, Inc.
- Rosinah Edinin. (2011). *Penyelidikan tindakan: Kaedah dan penulisan (edisi ke-2)*. Kuala Lumpur: Freemind Horizons.
- Saiful Anwar Mustaffa. (2010). *Meningkatkan kemahiran membina ayat tunggal dengan menggunakan Rajah Tukar Ganti dalam kalangan murid bermasalah pembelajaran Tahun 4 Kenanga*. Buku Koleksi Artikel Tindakan Seminar Penyelidikan Tindakan Tahun 2010 IPGKIK
- Siti Hajar Abdul Aziz. (2009). *Bahasa Melayu II*. Kuala Lumpur: Oxford Fajar Sdn Bhd
- Sufean Hussin. (2005). *Pentadbiran dalam pembangunan pendidikan*. Bentong: PTS Professional Publishing Sdn Bhd.
- Tuan Jah. Tuan Yusof. (2008). *Pembestarian pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu*. Modul Open Universiti Malaysia. Kuala Lumpur: Open University Malaysia (OUM).
- Zalinawati Othman. (2006). *Meningkatkan kemahiran membina ayat mudah di dalam penulisan Bahasa Inggeris menggunakan "little book technique" kepada 36 murid-murid T2 Cendikiawan*. Buku manual kajian tindakan edisi ketiga. Bahagian perancangan dan penyelidikan dasar pendidikan Kementerian Pelajaran Malaysia Disember 2008.